

## SENARAI KATA BERFREKUENSI DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Abdul Razif Zaini<sup>1</sup>  
Mohd. Zaki Abd. Rahman<sup>2</sup>

### ABSTRAK

Kosa Kata merupakan elemen asas bahasa. Ia merupakan asas penting yang perlu dimiliki dan dibangunkan dalam diri setiap penutur dan pelajar khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua/asing. Penguasaan bahasa kedua/asing menuntut pemilikan jumlah kata tertentu (kata berfrekuensi tinggi) bagi membolehkan sesuatu bentuk interaksi itu berlaku. Penutur atau pelajar mempunyai keutamaan untuk memilih perkataan yang wajar dikuasai terlebih dahulu, manakala guru pula berperanan dalam menyaring perkataan yang berkepentingan untuk didedahkan. Justeru bagi mencapai matlamat tersebut, di antara mekanisme yang boleh dimanfaatkan adalah penggunaan senarai kata berfrekuensi. Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk perbandingan yang dijalankan bagi meninjau senarai kata berfrekuensi yang sesuai dan relevan untuk dijadikan rujukan. Kajian juga bermatlamat membuat penilaian terhadap kriteria yang sewajarnya dimiliki oleh sesebuah senarai kata. Kajian membataskan penilaian ke atas tiga senarai kata yang dihasilkan pada akhir kurun ke 20 iaitu senarai kata McCarrus & Rammuny (1968), senarai kata al-Riyadh (1979) dan senarai kata Mekah (1981). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga senarai kata ini masih relevan untuk dijadikan panduan bergantung kepada matlamat penggunaan yang ditentukan.

**Kata Kunci:** Saiz kata berfrekuensi, kosa kata reseptif, pembelajaran bahasa Arab

### Pendahuluan

Kosa kata merupakan himpunan sejumlah perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa dan berperanan membentuk sistem leksikalnya. Ia juga dianggap sebagai stok perkataan asas yang dapat dirujuk oleh penutur ketika melalui pelbagai situasi bahasa yang juga dikenali sebagai leksikon (Nathesan, 2011).

Kosa kata merupakan aspek penting yang perlu diberikan penekanan dalam pembelajaran bahasa. Berbanding komponen bahasa yang lain, kosa kata dianggap kunci yang dapat menentukan tahap kefahaman seseorang dalam aktiviti

---

<sup>1</sup> Abdul Razif Bin Zaini, Pensyarah Jab. Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, KUIS, [abdulrazif@kuis.edu.my](mailto:abdulrazif@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Mohd. Zaki Bin Abd. Rahman (Phd), Pensyarah Jab. Bahasa Arab & Bahasa Timur Tengah, Universiti Malaya, [mzakirah@um.edu.my](mailto:mzakirah@um.edu.my)

pembacaan mahupun dalam suatu interaksi komunikasi (Che Radiah & Norhayuza, 2011; Fran Lehr et.al, 2004; al-Syarbufiy, t.t), malah ia dianggap sebagai pusat yang menjana kecekapan komunikasi dan keberjayaannya (Decarrico, 2001). Malah ada yang berpendapat bahawa penguasaan seseorang terhadap aspek tatabahasa kurang membantu tanpa penguasaan kata yang baik (Tammam Hasan et. al, 1981)

Dalam usaha menguasai bahasa khususnya bahasa kedua, pelajar perlu mempunyai keupayaan untuk memahami apa yang didengar mahupun dibaca. Kegagalan untuk menguasai sejumlah kata yang mampu dimanfaatkan di dalam situasi tersebut akan memberikan implikasi negatif dalam penguasaan bahasa tersebut. Justeru, kosa kata merupakan unsur yang sangat penting bagi penguasaan bahasa. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, setiap kurikulum yang baik seharusnya menitikberatkan komponen ini (Folse, 2004).

Pembangunan kosa kata memerlukan perancangan yang baik khususnya di awal peringkat pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, senarai kata berfrekuensi dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam pembelajaran khususnya bagi tujuan penyediaan bahan pengajaran serta penilaiannya (al-Syarbufiy, 2007) dan penarafan kesukaran sesuatu teks (Ahmad Sabri et. al, 2013). Senarai kata berfrekuensi ini mampu dijadikan garis panduan kepada pendidik berkaitan kosa kata yang perlu diberi penekanan dan keutamaan. Ia juga mampu dimanfaatkan di dalam proses PdP sebagai *check list* dalam menentukan perkataan yang telah dikuasai pada masa lampau dan perlu dikuasai pada masa hadapan dalam bentuk yang relevan.

## **Sorotan Literatur**

### **Senarai Kata Berfrekuensi Bahasa Arab**

Senarai kata berfrekuensi (*word frequency list* - قائمة المفردات الشائعة ) merujuk kepada suatu senarai perkataan yang dihimpun dan disusun mengikut kekerapan

penggunaannya. Kebiasaannya perkataan-perkataan ini diperolehi daripada sebuah korpus yang sangat besar. Frekuensi atau kekerapan sesuatu perkataan itu ditemui di dalam sesebuah teks (lisan atau penulisan) merupakan salah satu aspek yang diambil kira bagi tujuan penyenaian (Nation, 2001:16).

Senarai kata berfrekuensi ini sering dimanfaatkan dalam bidang pemerolehan bahasa kedua (SLA) khususnya yang berhubung dengan aspek leksikal. Malah ia memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan reka bentuk kurikulum (Nation & Waring, 1997) serta mampu menjamin kelangsungan pengajaran dan pembelajaran bahasa ('Abd al-Bari, 2011). Selain dari itu, ia juga dimanfaatkan agar bebanan pelajar dapat dikurangkan (Cowie, 2007). Maklumat berkaitan frekuensi ini juga membekalkan asas yang relevan dalam memastikan pelajar mendapat pulangan yang terbaik apabila mereka menguasai perkataan-perkataan yang disenaraikan (Nation & Waring, 1997). Keadaan ini seolah membuktikan bahawa perkataan yang kerap muncul dalam sesuatu bahasa itu merupakan perkataan yang sangat berguna bagi pelajar dan penutur bukan jati yang ingin menguasai bahasa tersebut (McCarthy, 1992).

Penggunaan senarai kosa kata berfrekuensi di dalam bidang pendidikan bermula sejak awal kurun ke 20. Senarai kata berfrekuensi bahasa Inggeris karya Thorndike (1921) merupakan di antara senarai kata berfrekuensi terawal yang dihasilkan. Senarai kata ini telah diterbitkan sekitar tahun 1921 di Amerika Syarikat ('Abduh, 1979).

Sejarah penyenaian kata bahasa Arab berasaskan frekuensi pula bermula sekitar 1940an. Musa Brill (1940) di antara tokoh yang terawal menghasilkan senarai kata berfrekuensi bahasa Arab. Di dalam senarai tersebut, Brill telah menganalisis sekitar 236 000 perkataan yang kerap digunakan di dalam akhbar-akhbar harian Mesir dan Palestin sekitar tahun 1937 hingga 1939 ('Abduh, 1979). Pada tahun 1943, E.M Bailey pula telah mengeluarkan satu lagi senarai kata berfrekuensi. Senarai kata ini merangkumi hampir 200 000 perkataan yang dikumpul juga menerusi akhbar-akhbar

harian di Mesir dan beberapa majalah mingguan dari negara yang sama ('Abduh, 1979).

Kedua-dua senarai terawal ini mempunyai satu persamaan yang nyata, iaitu kedua-duanya mengumpulkan perkataan daripada akhbar-akhbar harian. Senarai perkataan yang terkandung di dalam kedua-duanya lebih menjurus kepada bahasa kewartawanan. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini telah membuka ruang dalam bidang pendidikan bahasa Arab bagi menghasilkan senarai kata yang mampu dimanfaatkan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Beberapa tahun berikutnya, muncul beberapa kajian yang berkait secara langsung dengan PdP bahasa Arab seperti senarai kosa kata Qadri Lutfiy (1948), senarai kosa kata 'Aqil (1953), senarai kosa kata Landau (1959), senarai kosa kata Rushdi Khathir (1955), dan beberapa lagi kajian yang dijalankan oleh pihak berwajib di negara-negara seperti Morocco, Mesir dan juga Libya ( 'Abduh, 1979). Di antara senarai kata utama dalam bidang bahasa Arab adalah senarai kata McCarus & Rammuny (1968), senarai kosa kata al-Riyadh ('Abduh, 1979) dan senarai kata Mekah (1981):

### **i-Senarai Kosa Kata McCarus & Rammuny (1968)**

*Word Count of Elementary Modern Literary Arabic Textbooks* merupakan senarai kata yang dihasilkan oleh McCarus Ernest M dan Rammuny Raji M. Menjadikan kajian Landau sebagai panduan, kajian ini menganalisis perkataan yang dikumpul menerusi 11 buah buku teks bahasa Arab yang digunakan sebagai bahan pengajaran bahasa tersebut di Amerika Syarikat (McCarus & Rammuny, 1968).

Senarai kata McCarus & Rammuny menjadikan buku-buku teks bahasa Arab sebagai sumber mengumpulkan perkataan yang berfrekuensi tinggi. Pengumpulan berbantuan komputer ini telah mengumpulkan perkataan berdasarkan susunan abjad bermula dengan kata dasar setiap perkataan, sama seperti teknik yang

dipersembahkan di dalam kamus-kamus konvensional (McCarus dan Rammuny, 1968).

Dari sudut metod penyenaian kata, perkataan *jama'* disenaraikan secara berasingan namun dicatat selepas perkataan *mufradnya*. Begitu juga *fi'il mudhari'*, ianya dicatat selepas *fi'il madhi* sekiranya kedua-dua kata kerja itu didapati menerusi statistik tersebut. Senarai kosa kata ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama menyenaraikan kosa kata beserta makna dalam bahasa Inggeris mengikut susunan abjad dan kata dasar. Kekekapan dinyatakan bersama-sama dengan sumber perkataan tersebut diperolehi. Senarai ini mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama adalah senarai kata berdasarkan frekuensi, manakala bahagian kedua adalah senarai kata mengikut susunan abjad serta disusun mengikut susunan buku-buku teks terpilih (McCarus dan Rammuny, 1968).

## ii- Senarai Kosa Kata al-Riyadh ('Abduh, 1979)

Senarai Kosa Kata al-Riyadh yang juga dikenali dengan *al-Mufradat al-Sya'iat fi al-Lughah al-'Arabiyyah* ini adalah sebahagian daripada hasil usaha gigih Dawud 'Athiah 'Abduh di dalam pengumpulan kosa kata yang mempunyai kekekapan tinggi. Senarai kosa kata ini diterbitkan pada tahun 1979 oleh Percetakan al-Riyadh ('Abduh, 1979, al-Syarbufiy, 2007). Senarai kosa kata Riyadh ini dianggap sebagai salah satu senarai kosa kata yang terbaik dan terbesar di dalam bidang leksikal Arab (al-Syarbufiy, 2007).

Metod pengumpulan senarai kata al-Riyadh ini adalah berdasarkan statistik kekekapan penggunaan perkataan. Senarai kosa kata ini mengandungi 3025 perkataan yang dianggap sangat kerap digunakan. Walaupun jumlah perkataan yang tersenarai di dalam senarai kosa kata ini agak sedikit berbanding senarai-

senarai kosa kata sebelumnya, namun 'Abduh telah membuat pemerhatian dan penelitian yang sangat terperinci (al-Syabufiy, 2007).

Pendekatan yang digunakan dalam menghasilkan senarai kosa kata al-Riyadh ini adalah pendekatan perbandingan. 'Abduh menjelaskan bahawa senarai kosa kata ini terdiri daripada perkataan –perkataan yang terdapat di dalam empat senarai kosa kata utama iaitu senarai kosa kata 'Aqil, senarai kosa kata Landau, senarai kosa kata Brail dan senarai kosa kata beliau sendiri yang tidak pernah diterbitkan. Senarai kosa kata yang tidak diterbitkan tersebut adalah hasil kerjasama beliau dengan Graham Lenard yang mengandungi hampir 700 000 perkataan dikumpul menerusi akhbar dan buku-buku bacaan berkaitan sastera, prosa, syair, sejarah, ekonomi, pendidikan dan ilmu kemasyarakatan( 'Abduh, 1979, al-Syarbufiy, 2007).

### **iii- Senarai Kata Mekah (Tammam Hasan et. al, 1981)**

Senarai kata Mekah atau juga dikenali dengan *Qa'imat Makkah li al-Mufradat al-Syai'at* merupakan satu lagi senarai kosa kata yang penting diterbitkan pada tahun 1981 oleh Pusat Bahasa Arab di Universiti Umm al-Qura, Arab Saudi. Kajian ini dikendalikan oleh sekumpulan penyelidik dari universiti berkenaan dan diketuai oleh Tammam Hassan et. al (1981).

Senarai kata Mekah ini telah mengumpulkan sebanyak 5446 perkataan yang diperolehi daripada lima sumber utama yang juga merupakan senarai kata terdahulu. Sumber-sumber tersebut adalah senarai kata al-Riyadh (1979), senarai kosa kata Maahad al-Khortoum al-Dauliy yang bernaung di bawah pertubuhan Isesco, senarai kosa kata Hai'at al-Istisyariyyah li al-Maghrib al-'Arabiy, senarai kosa Universiti Michigan ( *Graded Vocabulary for learners of Arabic*) dan soal selidik

tentang kosa kata yang dijalankan oleh Mahmoud Fahmi Hijazi dan Rushdi Ahmad Taemah (al-Syarbufiy, 2007 ).

Metod pengumpulan perkataan di dalam senarai kata ini nyata sangat berbeza dengan apa yang pernah dilakukan sebelumnya. Senarai kosa kata ini didapati mengkategorikan perkataan dengan kod bermula dengan nombor 1 bagi perkataan yang berfrekuensi rendah sehinggalah ke nombor 5 bagi perkataan yang berfrekuensi tinggi. Walau bagaimanapun pendekatan yang digunakan dalam melabel perkataan-perkataan tersebut tidak dinyatakan dengan jelas (al-Syarbufiy, 2007).

Al-Syarbufiy di dalam tulisannya menjelaskan bahawa kajian ini tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai kosa kata berfrekuensi kerana nyata unsur-unsur statistik dan analisis kekerapan tidak langsung kelihatan. Bahkan kajian ini didapati sangat bergantung kepada pengalaman peribadi dan naluri bahasa semata-mata. Justeru beliau beranggapan bahawa kajian ini tidak mempunyai unsur-unsur keobjektifan yang tinggi sebagaimana yang dilakukan oleh 'Abduh sebelumnya (al-Syarbufiy, 2007).

### **Kepentingan Senarai Kosa Kata Berfrekuensi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab**

Senarai kata berfrekuensi merupakan asas penting yang perlu dititik beratkan dalam perancangan PdP bahasa (al-Syarbufiy, 2007). Senarai ini juga telah dibuktikan dapat membantu penggubal buku teks dan kurikulum dalam merangka silibus yang bersesuaian dengan tahap pengajaran dan pembelajaran yang dikehendaki. Senarai kata berasaskan frekuensi mampu dijadikan garis panduan yang berperanan membekalkan maklumat tentang perkataan yang perlu dikuasai dan menjadi keutamaan (Cobb, 2007). Cobb juga berpendapat bahawa bahasa secara tabiinya adalah sama, iaitu wujudnya sejumlah perkataan yang sama digunakan secara

berulang-ulang. Maka penguasaan sejumlah perkataan yang berkekerapan tinggi ini merupakan satu bentuk pelaburan dalam penguasaan bahasa.

Mengeksplorasi perkataan secara bebas menerusi aktiviti pembacaan merupakan usaha yang boleh dimanfaatkan dalam usaha memperoleh kosa kata. Walau bagaimanapun situasi ini mungkin mendedahkan pelajar kepada banyak perkataan yang kurang berkepentingan dalam aktiviti pembacaan dan pertuturan harian (Cobb, 2007). Maka dalam konteks ini, penggunaan senarai kata berfrekuensi dapat membantu dalam menentukan perkataan yang lebih kerap ditemui dan mampu dimanfaatkan menerusi pelbagai situasi dalam masa yang singkat sebagai satu bentuk usaha mengurangkan bebanan pelajar (Cowie, 2007).

Di antara kepentingan senarai kosa kata dalam konteks pendidikan adalah seperti berikut:

- i- Senarai kosa kata sebagai sumber penggubalan buku teks di pelbagai peringkat

Pendidikan bahasa di peringkat awal seharusnya mendedahkan kepada pelajar seberapa banyak perkataan baru. Oleh yang demikian, senarai kata berasaskan frekuensi akan memberikan panduan yang berguna di dalam penggubalan buku teks atau bahan pengajaran dan pembelajaran. Penggubalan kurikulum di peringkat seterusnya juga perlu memanfaatkan senarai kata berfrekuensi sebagai usaha menanam dan memperkasa penguasaan kosa kata pelajar.

Sekiranya pelajar berjaya didedahkan dengan perkataan yang mempunyai kekerapan tinggi, mereka dianggarkan mampu memahami sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bahan bacaan umum yang dibaca. Hal ini sudah pasti akan meningkatkan motivasi dan semangat pelajar terbabit



kerana perkataan tersebut menjadikan beliau berkemampuan untuk mengembangkan kefahamannya ('Abduh, 1979).

- ii- Senarai kosa kata sebagai piawai pengukuran perkataan yang sesuai digunakan

Senarai kata berfrekuensi merupakan salah satu rujukan penting yang perlu dimanfaatkan dalam usaha menjadikan penggubalan sesuatu silibus pengajaran teratur dan sistematik. Sebagai contoh, penggubal buku teks mungkin berhadapan dengan perkataan seerti yang menimbulkan sedikit kekeliruan sewaktu pemilihannya. Di antara perkataan *ملايس*, *خلف* dan *وراء* dan *ثياب*, *محل* dan *مكان*, perkataan yang manakah lebih sesuai digunakan di dalam buku teks boleh ditentukan berdasarkan kekerapan perkataan melalui senarai kosa kata berfrekuensi ini ('Abduh, 1979; al-Syarbufiy, 2007).

- iii- Senarai kosa kata sebagai panduan dalam pemilihan bacaan tambahan

Senarai kata berfrekuensi juga boleh dijadikan panduan bagi tujuan pemilihan bahan bacaan tambahan yang sesuai khususnya bagi pelajar di peringkat asas. Kesesuaian bahan bacaan tambahan boleh ditentukan melalui perkataan yang digunakan di dalam bahan tersebut. Bahan bacaan yang mempunyai perkataan-perkataan yang jarang digunakan mungkin boleh dianggap tinggi dan dikategorikan sebagai tidak sesuai untuk bacaan pada tahap tersebut ('Abduh, 1979)

- iv- Senarai kosa kata sebagai asas ujian penempatan bahasa

Saiz kosa kata merupakan satu keperluan dalam menguasai sesuatu bahasa. Dalam usaha memahami sesuatu teks, pelajar perlu mengetahui sekurang-kurangnya 80 peratus sehingga 95 peratus perkataan yang terkandung di dalam teks tersebut (Read, 2000). 2000 patah perkataan

adalah jumlah yang memadai bagi pelajar di peringkat awal untuk tujuan tersebut (lihat Nation, 2000; Read, 2000; Meara 1980).

- v- Senarai kosa kata sebagai penanda aras dalam pengajaran tatabahasa Arab

Senarai kosa kata juga boleh dimanfaatkan di dalam pengajaran tatabahasa Arab meliputi ilmu nahu mahupun sarf. Sebagai contoh, dalam konteks pembelajaran nahu, berdasarkan senarai kosa kata al-Riyadh perkataan *كان وأخواتها* tidak mempunyai kekerapan yang tinggi. Oleh yang demikian, pengajaran topik ini bolehlah dicadangkan pengajarannya di peringkat yang lebih tinggi dan bukannya di peringkat awal pembelajaran bahasa ('Abduh, 1979).

### **Kriteria dan Piawaian Dalam Penyenaian Kata Berfrekuensi**

Bagi menjamin kualiti dan impak yang positif dalam penggunaan senarai kata, beberapa asas penting yang perlu dititik beratkan dalam pemilihan kata bagi sesuatu senarai kata berfrekuensi adalah perwakilan, frekuensi, julat penggunaan, keluarga kata, julat informasi, bidalan dan ungkapan. ('Abd al-Bari, 2011; Taemah, 2005, Nation & Waring, 1997):

- i. Perwakilan

Perwakilan merujuk kepada keadaan di mana korpora yang dijadikan sumber mewakili bentuk penggunaan bahasa yang pelbagai (Nation & Waring, 1997). Dengan kata lain perkataan yang dikumpulkan menerusi sesuatu korpus perlulah merentas kemahiran, bidang dan beberapa aspek lain. Sebagai contoh, sesuatu senarai kata yang baik perlu mengumpulkan perkataan yang diperolehi menerusi teks lisan dan penulisan. Namun kebanyakan senarai kata berfrekuensi bergantung kepada data dalam

bentuk penulisan kerana ia lebih mudah diperolehi dan dicapai (McCarthy, 1992).

ii. Frekuensi

Frekuensi merujuk kepada keadaan di mana sesuatu perkataan muncul dalam sesebuah korpus serta mempunyai kekerapan pengulangan yang tinggi (Nation & Waring, 1997; Tammam et.al, 1981). Namun persoalannya, apakah saiz korpus yang munasabah bagi pembangunan sesebuah senarai kata berfrekuensi? McCarthy (1992) berpendapat bahawa berjuta-juta perkataan berkembang setiap hari. Namun para sarjana dalam bidang leksikal melaporkan bahawa apabila saiz korpus yang dianalisis mencecah jumlah lima juta perkataan, pola dan bentuk senarai kata berfrekuensi agak stabil dan tiada sebarang maklumat baharu bakal diperolehi selepas itu. Apa yang mungkin berlaku adalah kemunculan beberapa perkataan baharu yang berkekerapan satu atau dua kali dan tidak memberi kesan kepada penyenaian yang dibuat.

Satu lagi aspek yang berkaitan dengan frekuensi adalah usia korpus. Senarai kata yang terkini bakal mempersembahkan informasi tentang perkataan-perkataan baharu seperti komputer , video, internet dan sebagainya (McCarthy, 1992).

iii. Julat Penggunaan

Julat penggunaan merujuk kepada keadaan di mana sesuatu perkataan itu mempunyai kekerapan pengulangan yang tinggi merentas teks atau sumber yang pelbagai (Nation & Waring, 1997). Dengan kata lain, perkataan yang hanya berkekerapan tinggi dalam satu teks sahaja belum layak disenaraikan sebagai salah satu kata berfrekuensi. Perkataan yang membekalkan informasi yang berguna adalah kata yang bukan sahaja

berfrekuensi tinggi, malah turut mempunyai julat penggunaan yang tinggi merentas bidang dan penggunaan (McCarthy, 1992).

iv. Keluarga perkataan

Senarai kata yang dihasilkan perlu menjelaskan bagaimana sesuatu perkataan itu dihitung dan pengkategorian kata dilakukan (Nation & Waring, 1997). Pengasingan perkataan berasaskan jenisnya bakal menampakkan ciri-ciri istimewa kata berfrekuensi tinggi (McCarthy, 1992). Sebagai contoh, sesuatu senarai kata itu perlu menjelaskan bagaimana penyenaian kata antara kata jamak dan mufrad disenaraikan. Adakah ia dihitung sebagai satu perkataan atau masing-masing dianggap sebagai kata yang eksklusif.

v. Bidalan dan set ungkapan

Sebahagian rangkaian perkataan didapati mempunyai peranan yang sama seperti kata berfrekuensi tinggi (Nation & Waring, 1997). Bidalan, perumpamaan dan ungkapan boleh dianggap sebagai satu unit kata, walau pun ia terdiri daripada gabungan beberapa perkataan. Sebagai contoh, ucapan “selamat pagi” mempunyai kewajaran untuk dikategorikan sebagai satu unit kata walau pun ia terdiri daripada gabungan dua perkataan (Nation & Waring, 1997).

vi. Julat Informasi

Bagi memaksimumkan penggunaan senarai kata, sesuatu senarai kata perlulah membekalkan maklumat sisipan seperti kategori perkataan, frekuensi, makna utama, variasi makna, kolokasi dan beberapa maklumat lain yang berkaitan (Nation & Waring, 1997). Maklumat-maklumat ini adalah penting untuk dipersembahkan kepada guru dan pelajar sebagai rujukan dan panduan mereka.

Hasil perbincangan ini memberikan satu petunjuk yang jelas tentang betapa pentingnya senarai kata berfrekuensi dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua. Senarai ini bukanlah satu kemestian, namun kewujudannya mampu dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dalam menjamin kelangsungan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa tersebut.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi merealisasikan objektif-objektif berikut:

- a) Mengenal pasti kriteria dan piawaian yang perlu dititik beratkan dalam sesebuah senarai kata berfrekuensi.
- b) Menilai tahap relevan senarai kosa kata berfrekuensi yang ditemui dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang dijalankan dengan tujuan mengenal pasti kriteria dan piawaian yang diperlukan oleh sesebuah senarai kata berfrekuensi. Kaedah analisis dokumen dan perbandingan digunakan bagi menilai tahap kesesuaian penggunaan senarai kata bahasa Arab terpilih berasaskan piawaian yang dikenal pasti, dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia. Dokumen yang dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada senarai kata McCarus & Rammuny (1968), Senarai Kata al-Riyadh (Abduh, 1979) dan Senarai Kata Mekah (1981). Aspek perbandingan terbatas kepada maklumat umum senarai kata dan lapan kriteria senarai kata berfrekuensi.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga senarai kata berfrekuensi yang dikaji mempunyai persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain. Bagi melihat aspek ini dengan lebih jelas, dapatan akan dibincangkan menerusi dua perspektif iaitu (i) maklumat umum senarai kata serta (ii) kriteria dan piawaian senarai kata.

Secara umumnya, dapatan dalam jadual 1 menjelaskan bahawa ketiga-tiga senarai kata yang dikaji dihasilkan oleh penulis yang berlainan pada tahun yang berbeza. Perbezaan juga dapat dilihat dari sudut metod pengumpulan kata di mana senarai kata McCarus & Rammuny menggunakan statistik berkomputer, senarai kata al-Riyadh menggunakan statistik dengan perbandingan manakala senarai kata Mekah hanya menggunakan kaedah perbandingan, pengkodan dan penarafan. Jumlah perkataan yang disenaraikan dalam senarai-senarai kata tersebut juga berbeza antara satu sama lain. Senarai kata Mekah mencatatkan penyenaian kata tertinggi iaitu sebanyak 5446 perkataan, diikuti senarai kata McCarus & Rammuny sekitar 3900 perkataan dan seterusnya senarai kata al-Riyadh iaitu sebanyak 3025 perkataan. Persembahan dan penyusunan kata juga berbeza dengan dua asas menjadi sandaran iaitu penyenaian berasaskan frekuensi dan penyenaian berasaskan abjad atau gabungan kedua-duanya.

Walaupun wujud perbezaan dari segenap aspek, ketiga-tiga senarai kata yang dikaji mempunyai hubungan tidak langsung antara satu sama lain. Hubungan yang dimaksudkan adalah pergantungan senarai kata dikaji terhadap senarai kata tertentu atau di antara satu senarai dengan senarai yang lain secara langsung. Ini dapat dilihat melalui hubungan tidak langsung antara senarai kata al-Riyadh dan senarai kata McCarus & Rammuny yang mana kedua-duanya berpandukan senarai kata Landau. Selain dari itu, senarai kata Mekah pula secara langsung menggunakan senarai kata al-Riyadh sebagai rujukan perbandingan.

Jadual 1: Maklumat Umum Senarai Kata Berfrekuensi

Maklumat Senarai Kata	Penyelidik	Penerbit/Percetakan	Tahun terbit	Metod Pengumpulan	Jumlah Kata	Penyusunan kata
<i>Word Count of</i>	McCarus Ernest M	Ann Arbor Center for	1968	Statistik kekerapan	3861 perkata	Dua bahagian: i. Susunan

<b>Elementary Modern Literary Arabic Textbooks</b>	& Rammun y Raji M.	research Universiti Michigan		berkomputer	an	berdasarkan abjad ii. Berdasarkan kekerapan dalam buku teks
<b>al-Mufradat al-Syai'at fi al-Lughah al-'Arabiyyah</b> (Senarai Kata al-Riyadh)	Dawud 'Athiah 'Abduh	University of Riyadh	1979	Statistik kekerapan & perbandingan	3025 perkataan	Dua bahagian: i. Berasaskan kekerapan ii. Berasaskan abjad
<b>Qa'imat Makkah li al-Mufradat al-Syai'at</b> (Senarai Kata Mekah)	Tammam Hassan,	Mathabi' al-Sofa, Mekah al-Mukarramah	1981	Saringan berdasarkan perbandingan menerusi senarai sedia ada/penarafan kod (metod penarafan tidak dinyatakan)	5446 perkataan	Tiga Bahagian: i. Berasaskan abjad ii. Berasaskan kekerapan iii. Kata tambahan cadangan penulis

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga senarai kata yang dikaji memiliki kriteria dan piawaian yang berbeza antara satu sama lain secara keseluruhannya. Dapatan ini diterangkan dalam jadual 2 dilampirkan.

Jadual 2: Kriteria dan Piawaian Senarai Kata Berfrekuensi

Kriteria & Piawaian	Perwakilan kata	Frekuensi		Julat Penggunaan/sumber		Keluaran Kata	Bidangan & Ungkapan	Julat Informasi
		Saiz Korpus	Usia	Bidang	Jenis Teks			
<b>Senarai kata</b>								
<b>Senarai kata</b>	Teks	Tidak	19	Pendid	Akade	Kata	Tida	Kata mufrad &

<b>ai kata McCarus &amp; Rammuny</b>	Penulisan	dinyatakan. Berbantuan senarai Landau	68	ikan	mik (11 buah buku teks)	dihimpun di bawah entri/kata dasar yang sama. Makna kata dalam bahasa Inggeris memberi isyarat kategori kata	k dite mui	jama' dianggap unit leksikal bebas namun diletak berurutan. Homonym having distinct plural are listed as separate item Imperfect tense of the verb is listed following the perfect
<b>Senarai Kata al-Riyadh</b>	Teks Penulisan	Abduh & Graham (250 000 kata) Brail (136 000 kata) Landau (136000 kata) Aqil (188 000 kata) Jumlah 710 000 kata	19 79	Pendidikan, sejarah, ekonomi, dan ilmu kemas yarakatan	Akhbar, akademik, Bahan bacaan umum berkaitan sastera, prosa, syair,	Kaedah penyenaian kata dikemungkinan dengan jelas (16 aspek)	Terhad	Dinyatakan kekerapan kata bagi semua senarai gabungan Banyak informasi kata dibekalkan seperti makna utama, variasi makna, jenis kata dan sebagainya.
<b>Senarai Kata Mekan</b>	Teks Penulisan	Senarai kata al-Riyadh (1979), senarai kata Maahad al-Khortoum al-Dauliy senarai kata Hai'at al-Istisyariyyah li al-Maghrib al-'Arabiy, senarai kata Universiti	19 81	Bersumber 5 senarai kata lain	Bersumber 5 senarai kata lain	Penyenaian beraskan abjad	Tidak dite mui	Dinyatakan beberapa informasi tambahan seperti jenis kata, sinonim, antonim,



---

Michigan &  
Universiti  
Cairo-  
America  
(Graded  
Vocabulary  
for learners of  
Arabic) &  
soal selidik  
tentang kosa  
kata yang  
dijalankan  
oleh  
Mahmoud  
Fahmi Hijazi  
dan Rushdi  
Ahmad  
Taemah

---

Dari sudut perwakilan, ketiga-tiga senarai kata dibentuk berasaskan teks penulisan. Tiada satu pun di antaranya menggunakan teks lisan. Dan dari sudut frekuensi, senarai kata al-Riyadh didapati memiliki saiz korpus yang terbesar iaitu sebanyak 710 000 kata utama setelah digabungkan (menerusi perbandingan dengan senarai kata landau, Brill dan Aqil). Senarai kata McCarus & Rammuny dan senarai kosa Mekah tidak dapat dipastikan saiz korpusnya kerana kedua-duanya tidak menyatakan dengan jelas saiz korpus. Manakala dari sudut umur korpus, ketiga-tiganya memiliki usia yang hampir sama. Usia korpus senarai kata terbabit (sewaktu kajian ini dijalankan) berada di antara 33 hingga 46 tahun di mana ketiga-tiganya dihasilkan pada akhir abad ke 20.

Dari sudut julat penggunaan dan sumber korpus pula, ketiga-tiganya dibina berasaskan bidang pendidikan namun senarai kata al-Riyadh didapati turut merentas bidang sastera, sejarah, ekonomi dan ilmu kemasyarakatan. Jenis teks pula meliputi teks akademik, prosa, syair dan sebagainya. Sebagai maklumat tambahan, senarai kata al-Riyadh dan Mekah dihasilkan di bumi Arab, manakala senarai kata McCarus & Rammuny dibangunkan di Amerika Syarikat (McCarus & Rammuny, 1968; Abduh, 1979; Tammam Hassan et. al, 1981).

Aspek bidalan dan ungkapan tidak ditekankan di dalam ketiga-tiga senarai kata dikaji. Perkataan yang dihitung dikira sebagai unit leksikal bebas. Aspek keluarga kata juga tidak terlalu ditekankan walaupun ditemui pada beberapa keadaan.

Manakala julat informasi kata bagi senarai-senarai tersebut adalah sangat terhad. Hanya senarai kata al-Riyadh menjelaskan frekuensi, sumber, makna utama, variasi makna, jenis kata dan beberapa maklumat lain.

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, apa yang boleh disimpulkan adalah ketiga-tiga senarai kata yang dikaji memiliki kelebihan di antara satu sama bergantung kepada aspek penilaian yang dikehendaki. Dalam konteks pembelajaran bahasa arab sebagai bahasa kedua, penggunaan senarai kata al-Riyadh didapati masih relevan. Secara keseluruhannya, senarai kata al-Riyadh memenuhi lima daripada lapan kriteria dan piawaian yang disyorkan bagi sesebuah senarai kata.

Walau pun sewaktu kajian ini dijalankan senarai kata ini berusia 35 tahun, ia tetap mempunyai kelebihan dari sudut metod pengumpulan, jumlah perkataan yang munasabah, julat penggunaan yang luas, sumber korpus yang pelbagai dan merentas bidang serta berjulat informasi yang baik.

Senarai kata al-Riyadh didapati masih relevan untuk dijadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab terutama dalam konteks pemerolehannya sebagai bahasa kedua. Malah ia juga sangat berguna untuk dijadikan panduan dalam penggubalan silibus dan kurikulum bahasa Arab di pelbagai peringkat khususnya yang melibatkan aspek perbendaharaan kata.

Walau bagaimanapun, kedudukan dan peranan senarai kata dalam konteks PdP perlu dijelaskan dengan baik seperti disarankan oleh Tammam Hasan et. al (1981) bahawa penggunaannya lebih berbentuk panduan dan bukan suatu kemestian. Bagi guru, senarai ini harus dimanfaatkan sebagai *check list* yang mampu menentukan perkataan mana yang penting untuk didedahkan kepada pelajar. Manakala bagi pelajar, senarai kata ini sangat membantu dalam pemilihan kata yang berkepentingan, mengurangkan bebanan pembelajaran dan akhirnya dapat memperkasakan pengetahuan dan perbendaharaan katanya.

**Rujukan**

- 'Abduh, Daud 'Atiyyat. 1979. *Al-Mufradat al-Sya'i'at fi al-Lughat al-'Arabiyyat-Dirasat fi Qawa'im al-Mufradat al-Sya'i'at fi al-Lughat al-'Arabiyyat*. al-Riyadh: Matbu'at Jami'at al-Riyadh.
- Abd al-Bari, Maher Sya'ban. 2011. *Ta'lim al-Mufradat al-Lughawiyat*, Amman: Dar al-Masirah.
- Ahmad Sabri Noh, Kamarulzaman Abdul Ghani, Kaseh Abu Bakar, Khadijah Rohani Md Yunus, Wan Hamiah Wan Mahmud. 2013. Keperluan Pengukuran Kebolehbacaan Teks Berbahasa Arab. 3<sup>rd</sup> International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED 2013) 6<sup>th</sup> – 7<sup>th</sup> April 2013, EPF Institute Kajang, Selangor, Malaysia.
- Che Radiah Mezah dan Norhayuza Mohammad. 2011. *Kosa Kata Arab: Teori & Aplikasi*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Cobb, T. (2007). Computing the vocabulary demands of L2 reading. *Language Learning & Technology*, 11(3), 38-63. <http://ilt.msu.edu/vol11num3/cobb/default.html> (20 Julai 2014)
- Cowie, A.P. 2007. *English Dictionaries for Foreign Learners: A History*. New York: Oxford University Press Inc.
- Decarrico, J. S. 2001. Vocabulary Learning and Teaching. In C.-M. Marianne, *Teaching English as a Second Foreign Language* (pp. 285-299). United States of America: Heinle & Heinle.
- Folse. K. S. 2004. *Vocabulary Myths*. Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Lehr, Fran., Osborn, Jean., Hiebert, Elfrieda H. 2004. *A Focus On Vocabulary*. Honolulu: Pacific Resources for Education and Learning. Dipetik dari <http://www.prel.org/products/re/ES0419.htm> (09/05/2014)
- McCarthy, Micheal. 1992. *Vocabulary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- McCarus, Ernest M dan Rammuny Raji M. 1968. *Word Count of Elementary Modern Literary Arabic Textbooks*.
- Meara, PM. 1980. Vocabulary Acquisition: A Neglected Aspect of Language Learning. *Language Teaching and Linguistics*: Abstract 13, 4, 221-246.
- Nathesan. S. 2011. *Leksikon: Kosa Kata Bahasa*, Dewan Bahasa Ogos 2011, Jilid 11 Bil. 08, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nation, I.S.P. 2001. *Learning Vocabulary in Another Language*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nation, I.S.P. and Waring, R.

Read, J. (2000). *Assesing Vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. United Kingdom: Cambridge University Press.

al-Syarbufiy, 'Isa 'Audat 'Athiyyat. 2007. *Qawaim al-Mufradat al-Syai'at wa Ta'lim al-Lughat*. Dipetik dari [www.faculty.ksu.edu.sa/3046/research](http://www.faculty.ksu.edu.sa/3046/research) (09/05/2014)

Ta'emah, Rushdee. (2005). *al-Kitab al-Jami'iyy, Mauqi'uh wa Ma'ayiruh wa Musykilatuh, al-Qahirat*.

Tamman Hasan., Radhi, Abd al-Hakim., al-Imam, al-Sayed Muhammad ... Kharibah, Muhammad Abd al-Mun'im. 1981. *Qa'imat Makkah li al-Mufradat al-Syai'at*. Mekah: Matabi' al-Sofa.